

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

SEMINAR INDUSTRI SARANG BURUNG WALIT BUMIPUTRA
HOTEL EVERLY PUTRAJAYA
1 APRIL 2015

YBhg. Dato' Seri D.Abdullah Fadzil B. Che Wan
Pengerusi Penaja Persatuan Industri Sarang Burung Walit Bumiputra
Malaysia

Tuan Hj Azini b. Mohd Shahid,
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia

Ybhg Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia

Yang Hormat Dato' Dr .Mohamad Azmie b Zakaria,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi, Pegawai-pegawai kanan
Kementerian, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

1. *Alhamdulillah*, syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta rahmatnya saya diberi kesempatan untuk hadir di majlis yang penting pada hari ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Persatuan Industri Sarang Burung Walit Bumiputra Malaysia kerana menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan Mesyurat Agung pertama Persatuan Industri Sarang Burung.
2. Setulusnya saya merakamkan setinggi tahniah kepada pihak penaja persatuan kerana berjaya menubuhkan Persatuan Industri Sarang Burung Walit Bumiputra Malaysia yang mana sejak sekian lama industri ini dimonopoli oleh kaum berbangsa China. Tahniah juga kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar atas kerjasama memudahkanca dan sokongan yang diberikan sehingga tertubuhnya persatuan milik bumiputra ini.
3. Melalui wujudnya persatuan ini, adalah menjadi harapan saya agar platform jaringan hubungan diwujudkan ini akan membentuk kerjasama yang mantap serta perkongsian teknologi dan maklumat pemasaran sesama pengusaha bumiputra dipertingkatkan, ini sekaligus meneroka penyelesaian bagi menghadapi cabaran dan mengatasikekangan industri semasa ke arah menerajui pasaran global produk sarang burung walit terutamanya dikalangan pengusaha-pengusaha bumiputera.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Bagi memastikan pembangunan industri ini berjalan dengan terancang serta mempunyai peruntukan yang sewajarnya, kerajaan telah menjadikannya sebagai satu Projek Permulaan (EPP) berimpak tinggi dengan sasaran nilai eksport berjumlah RM5.2 billion pada tahun 2020. Bagi saya, cadangan dan sasaran yang dikemukakan ini mempunyai asas yang cukup kukuh dari segi keupayaan negara untuk mengeluarkan sarang burung walit dan seterusnya menerajui pasaran dunia. Semenjak kemelut isu pengeksportan sarang burung walit ke negara China berlaku tahun 2011 dan diselesaikan secara berperingkat-peringkat, dilihat telah berlaku peningkatan dalam pengeksportan sarang burung walit sehingga 190 tan metrik pada tahun 2013 dan 145 tan metrik pada tahun 2014 (dengan nilai menghambiri RM2.0 billion). Kita mengharapkan jumlah pengeksportan akan bertambah pada tahun 2015 dengan bertambahnya lagi jumlah loji pemprosesan yang diluluskan oleh pihak berkuasa negara Cina.
5. Sarang burung walit merupakan komoditi berasaskan pertanian yang mampu meraih harga paling tinggi di pasaran bagi komoditi berasaskan pertanian. Statistik pembangunan industri menganggarkan sejumlah lebih 40,000 rumah burung walit telah dibina dan beroperasi di seluruh negara semenjak dari tahun 2008. Sehingga hari ini pihak DVS telah berjaya mendaftarkan sebanyak 10,286 buah premis sarang burung Walit dan dijangka akan terus mendaftarkan sekurang-kurangnya pada sasaran 25 ribu buah premis menjelang tahun 2020. Ini adalah dalam rangka

memperkuuh sistem daya jejak produk sarang burung walit bagi mencapai piawaian global.

6. Keupayaan industri sarang burung walit untuk berkembang tanpa campurtangan berbentuk subsidi dari kerajaan menunjukkan negara mempunyai usahawan terbilang dan mampu keluar dari kepompong *rent-seeker* atau pengusaha yang sentiasa mengharapkan bantuan kerajaan untuk maju. Salah satu kekuatan industri sarang burung walit negara adalah peranan yang dimainkan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau persatuan pedagang industri yang buat masa ini belum lagi diwujudkan secara rasmi oleh usahawan bumiputera. Oleh itu saya bagi pihak kerajaan amat menghargai dan menyokong Penubuhan Persatuan Industri Sarang Burung Walit Bumiputra ini untuk turut serta memainkan peranan dalam memajukan industri khususnya dalam menjaga kebijakan serta memajukan usahawan sarang burung walit bumiputra.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian usahawan tani yang saya kasihi,

7. Data pendaftaran premis walit sehingga hari ini menunjukan sebanyak 260 buah premis loji pemprosesan sarang burung walit telah didaftarkan dibawah DVS. Daripada jumlah pendaftaran ini didapati hanya 16 buah loji (6.2%) adalah milik bumiputra dan hanya sebuah loji sahaja yang telah mempunyai pensijilan kualiti (GMP/GVHP). Pihak DVS telah mengambil inisiatif mengadakan kursus- kursus yang berkaitan dengan *Good Manufacturing Practice* (GMP) untuk dihadiri oleh pihak pemprosesan sarang burung walit supaya loji pemprosesan menepati kehendak kualiti terutamanya pengauditan oleh pihak kerajaan negara China (CNCA) yang mana

pengimpot utama sarang burung walit negara. Sehingga kini dari 8 loji yang telah diluluskan peringkat pertama dan 11 loji lagi yang sedang diluluskan untuk peringkat kedua belum ada loji milik bumiputera yang terlibat. Adalah menjadi harapan saya pihak pengusaha bumiputra juga merebut kesempatan menghadiri kursus-kursus yang telah dianjurkan oleh DVS, seterusnya meningkatkan upaya pelaksanaan sistem kulaiti dan mampu menepati piawaian pengeksportan ke China.

8. Pengusaha bumiputra sewajarnya memberikan penekanan kepada usaha-usaha mendapatkan kelebihan daya saing bagi memastikan bidangusaha dimiliki mantap menghadapi global dimasa hadapan melalui pembinaan ekosistem perniagaan yang kukuh serta lestari. Gabungan kerjasama daripada semua pihak dengan pelbagai bidang kepakaran disepanjang rantai nilai dari pengeluar ke pengguna merupakan aset penting bagi memastikan usahawan bumiputera terus relevan dalam industri ini.
9. Kerajaan telah pun cuba sedaya upaya mengatasi isu-isu yang menggugat pasaran Malaysia di negara China yang mana telah menjelaskan pulangan pelaburan dan seterusnya menjatuhkan harga pasaran produk. Hasil campurtangan kerajaan, produk sarang burung walit negara dapat dieksport semula ke negara China melalui 8 syarikat tempatan yang telah disahkan oleh pihak berkuasa negara tembok besar tersebut.

Syarikat-syarikat tersebut ialah

- 1.PT Swift Marketing Sdn. Bhd
2. Yanming Sdn. Bhd
- 3.Golden Mah Sdn Bhd
4. Kuan Wellnes Sdn.Bhd
5. Sunshine Region Sdn.Bhd
- 6.Yen pao Lai Sdn Bhd
7. Tian Ma Sdn Bhd
- 8.Fuciphagus Sdn Bhd

Untuk *batch* yang kedua Sebanyak 11 buah lagi loji pemprosesan akan diluluskan oleh pihak negara China dengan status 9 buah loji dicadangkan lulus dengan penambahbaikan sementara 2 buah lagi dicadangkan lulus dengan pembetulan. Kesemua loji ini dalam proses tindakan penambahbaikan dan pembetulan dan akan di verifikasi oleh pihak CNCA dalam masa terdekat ini

9 Syarikat yang dicadangkan lulus dengan penambahbaikan ialah;

- 1.Ka Sin Succes(m) Sdn.bhd
- 2.Blue Sky Bird Nest Sdn. Bhd
- 3.Steady Farm Sdn. Bhd
- 4.Win Sheng Food Industries Sdn. Bhd
- 5.Dynamic Transform Sdn.Bhd.
- 6.Nest World Sdn.Bhd
- 7.Borneo Yin Woh Sdn.Bhd
- 8.Duta Sialin Biotechnology Sdn.Bhd
- 9.Dama Dingji Yanwo Sdn. Bhd

2 buah syarikat yang dicadangkan lulus dengan pembetulan

1. Swallow House Enterprise
2. Ricksen(M) Sdn. Bhd

Difahamkan pihak DVS masih lagi menerima banyak permohonan untuk berdaftar dengan CNCA dari pengeksport yang berminat untuk mengeksport sarang burung walit ke negara China. Adalah menjadi harapan saya permohonan akan datang dari pengusaha loji yang dimiliki oleh bumiputra.

10. Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak DVS yang turut berkerjasama untuk merealisasikan penubuhan Persatuan Industri Sarang Burung Walit Bumiputra Malaysia ini. Diharap persatuan ini akan ditadbir urus dengan baik supaya boleh memberi impak yang signifikan dalam memajukan barisan usahawan sarang burung walit bumiputera serta bertepatan dengan kehendak semasa Industri dan negara. Saya juga berharap ianya tidak pula menjadi platform hanya kepada individu atau syarikat tertentu sahaja, tetapi memberi manfaat secara menyeluruh kepada usahawan sarang burung walit bumiputera yang menjadi ahlinya. Saya berdoa mudah-mudahan usaha murni yang dilaksanakan bersama ini diberkati Allah SWT, in sya Allah.
11. Dengan lafaz *Bismillah Ar-Rahman Ar-Rahim*, saya dengan sukacitanya ingin merasmikan Pertubuhan Industri Sarang Burung Bumiputra.

Sekian, terima kasih.